

# Mesti berani bersaing

**FOKUS**

**Universiti tempatan perlu belajar untuk mencapai kemajuan kerana pendidikan membabitkan soal jangka panjang**

Oleh Ruhaiza Rusmin  
ruhaizarusmin@hmetro.com.my

Biar pun ada pihak berpendapat, penarafan bukan satu keutamaan dalam mengukur kemampuan sesebuah institusi, namun tiada siapa mampu menyangkal kepentingan dan prestijnya anugerah itu.

Dilihat sebagai standard institusi membina nama di persada dunia pendidikan tinggi, penarafan sama ada berstatus tempatan mahupun antarabangsa sering kali menimbulkan komentar sokongan ataupun kritikan.

Simboliknya, ada beranggapan penarafan hanya satu pengiktirafan di atas sehelai sijil dengan tidak mungkin memulakan tanggungjawab sedia ada.

Ada pula bertanggapan, ia bukan semata-mata melonjakkan imej institusi, malah memberi kelebihan berganda dalam usaha menjadikannya lebih dikenali.

Jadi, sejauh mana kepentingan penarafan itu?

Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, "Minda kita sering dimomokkan dengan tanggapan negatif seperti institusi kita tidak setanding, kurang keupayaan dan bertahap sederhana."

"Seharusnya mentaliti ini tidak ada sebab ini adalah institusi kita. Seharusnya kita bangga kerana institusi kita berani menentang cabaran dan bersaing untuk memperoleh kedudukan yang baik."



**PENDIDIKAN** adalah proses pengembangan ilmu berterusan justeru penting bagi institusi yang mahu kekal relevan yang diberikan mempunyai kualiti yang tinggi.



**"Minda kita sering dimomokkan dengan tanggapan negatif seperti institusi kita tidak setanding, kurang keupayaan dan bertahap sederhana"**

Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin

menjadi pemangkin terhadap usaha dilakukan bagi memartabatkan penguasaan ilmu serta peningkatan kualiti.

"Justeru, pemberian penarafan itu memang penting kerana sebahagian besar aspek akan dinilai dan diberi penanda aras bagi menentukan piala."

"Bukanlah bermakna jika tidak penarafan institusi tidak bagus tapi ini adalah pencapaian, jadi bagi mereka yang mempertikannya, lihat daripada skop luas betapa perlunya penarafan ini."

"Pengiktirafan itu adalah simbol kekuatan, kejayaan dan kesungguhan institusi dalam setiap usahanya," katanya.

Beliau juga tidak menyangkal isu penarafan sering dipolemikkan terutama institusi yang dikatakan hanya gah di peringkat tempatan, namun gagal menyalah di peringkat antarabangsa.

"Minda kita sering dimomokkan dengan tanggapan negatif seperti institusi kita tidak setanding, kurang keupayaan dan bertahap sederhana."

"Seharusnya mentaliti ini tidak ada sebab ini adalah institusi kita. Seharusnya kita bangga kerana institusi kita berani menentang cabaran dan bersaing untuk memperoleh kedudukan yang baik."

Beliau juga tidak menyangkal isu penarafan sering dipolemikkan terutama institusi yang dikatakan hanya gah di peringkat tempatan, namun gagal menyalah di peringkat antarabangsa.

"Minda kita sering dimomokkan dengan tanggapan negatif seperti institusi kita tidak setanding, kurang keupayaan dan bertahap sederhana."

"Seharusnya mentaliti ini tidak ada sebab ini adalah institusi kita. Seharusnya kita bangga kerana institusi kita berani menentang cabaran dan bersaing untuk memperoleh kedudukan yang baik."

"Pengiktirafan itu adalah simbol kekuatan, kejayaan dan kesungguhan institusi dalam setiap usahanya," katanya.

Beliau juga tidak menyangkal isu penarafan sering dipolemikkan terutama institusi yang dikatakan hanya gah di peringkat tempatan, namun gagal menyalah di peringkat antarabangsa.

"Minda kita sering dimomokkan dengan tanggapan negatif seperti institusi kita tidak setanding, kurang keupayaan dan bertahap sederhana."

"Seharusnya mentaliti ini tidak ada sebab ini adalah institusi kita. Seharusnya kita bangga kerana institusi kita berani menentang cabaran dan bersaing untuk memperoleh kedudukan yang baik."

Beliau juga tidak menyangkal isu penarafan sering dipolemikkan terutama institusi yang dikatakan hanya gah di peringkat tempatan, namun gagal menyalah di peringkat antarabangsa.

"Minda kita sering dimomokkan dengan tanggapan negatif seperti institusi kita tidak setanding, kurang keupayaan dan bertahap sederhana."

"Seharusnya mentaliti ini tidak ada sebab ini adalah institusi kita. Seharusnya kita bangga kerana institusi kita berani menentang cabaran dan bersaing untuk memperoleh kedudukan yang baik."



**KECEMERLANGAN** sistem pendidikan tinggi perlu melalui penilaian terutamanya bagi memastikan kualiti yang ditawarkan memenuhi standard dan mendapat kepercayaan masyarakat.



**ASPEK** keusahawanan boleh menjadi pemangkin institusi tempatan dalam memastikan bagi pengembangan ilmu bagi memartabatkan keupayaan institusi.



**PENILAIAN** Skema adalah untuk mengukur prestasi yang digunakan untuk menilai institusi pendidikan tinggi negara.

**PENARAFAN** juga memberi peluang institusi belajar dengan institusi luar yang lebih berpengalaman.

**BIOSAINS** penyelidikan akan menerusi teknologi hasil daripada penemuan penemuan kesetiaan institusi, sekali gus memartabatkan taraf penyelidikan tempatan.

lonjakkan potensi ke tahap paling tinggi.

"Dunia pendidikan hari ini sangat kompleks, persaingan juga pilihan wujud di mana-mana. Akses pendidikan juga tidak terbatas."

"Penilaian untuk penarafan diberikan agar kita mahu berubah dan berusaha melangkaui kemampuan."

"Kita tentu mahu institusi tempatan menjadi buah mulut orang luar, jadi jangan banyak ragam atau rungutan kerana ia sangat merugikan," katanya.

Biar pun kebelakangan ini isu berkenaan kurang mencetuskan reaksi masyarakat, masih dianggap antara keutamaan dalam nadi dunia pendidikan tinggi negara.

Penarafan berkenaan turut diiktiraf sebagai kayu pengukur dalam menentukan kemampuan institusi negara menyahut

cabaran pendidikan global selain meninggikan lagi status sedia ada ke tahap sasaran.

Mengulas mengenai perbandingan penarafan diberi lajur tempatan dan antarabangsa, beliau berkata, penilaian biarpun berbeza namun masih mengekalkan ciri-ciri sama.

Menurutnya, setiap ciri itu pastinya menekankan mengenai aspek tertentu seperti bilangan pelajar, pensyarah, pengantarabangsaan, jurnal dan budaya kerja menjadikan kedua-duanya tetap serupa biarpun berbeza taraf.

"Setiap penilaian melihat komposisi atau spesifikasi tertentu, namun sama ada tempatan ataupun antarabangsa, aspek dinilai tidak banyak bezanya."

"Ia disesuaikan dengan keperluan mengikut kelas penilaian serta penilai tertentu bagi mematuhi kriteria ditetapkan."

"Keutamaannya ialah

mahu melihat bagaimana keberkesanan institusi terlibat melaksana dan mencapai piala mengikut garis panduan ditetapkan. Boleh atau tidak," katanya menyangkal standard tempatan lebih rendah.

"Ia tanggapan tidak tepat. Memang kalau sudah bertaraf antarabangsa, standard ditetapkan tinggi dan profesional."

"Tapi tidak bermakna tempatan tidak mempunyai standard kerana penilaian dibuat juga berstatus tinggi."

"Jika tidak, masalahnya ada beberapa institusi saja mampu memperoleh tahap (tier) lima daripada ratusan institusi tempatan sedia ada. Ini menunjukkan penarafan tempatan juga bukan mudah diperoleh," katanya.

Walaupun kedudukan institusi tempatan dalam penarafan antarabangsa dikatakan tidak konsisten, masih belum terlambat untuk memperbaiki kedudukan.

"Dalam aspek pendidikan, tiada istilah terlambat atau tercepat kerana proses pengembangan ilmu sentiasa berlaku."

"Yang perlu digerakkan ialah memperbaiki kelemahan, menetapkan sasaran, berani berfikir di luar kotak dan melakukan perubahan."

"Pada masa sama, kita berikan juga penghargaan kepada institusi negara supaya mereka sentiasa kuat untuk bersaing," katanya.



**PENULISAN** Jurnal antara aspek yang dititikberatkan oleh badan penilaian sebelum memartabatkan penarafan. Kita semua boleh bertaraf tempatan mahupun antarabangsa.

## Perkongsiian pintar pacu ekonomi

**PEKA KAMPUS**

Oleh Fakrulnizam Jafri  
rencana@hmetro.com.my

**Keusahawanan** dan perniagaan antara aspek penting yang menjadi tumpuan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini bagi melahirkan mahasiswa cemerlang dan serba boleh sama ada dalam akademik, kemahiran insaniah, jaringan masyarakat dan komuniti.

Banyak universiti di negara ini menjadikan aspek keusahawanan sebagai misi dan visi utama menyahut hasrat kerajaan memacu Malaysia sebagai negara maju dalam bidang ekonomi menje-

lang 2020. Jaringan industri antara pihak universiti serta pemain industri dilihat suatu usaha murni ke arah mewujudkan peluang kepada ahli akademik serta mahasiswa untuk bergiat secara proaktif dan konsisten ke arah mencapai matlamat itu.

Antara institusi yang memiliki bahagian Jaringan Industri ialah Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pejabat Hubungan Industri Masyarakat dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat setan tidak ketinggalan Universiti Teknologi Mara (UTM).

Bidang keusahawanan perlu diadikan budaya pular generasi muda kerana prospeknya begitu luas juga kerana sokongan padu daripada kerajaan.

Masyarakat khususnya golongan usahawan muda dan usahawan matang boleh bergantung harap dengan institusi pengajian tinggi kita kerana dengan kepakaran dimiliki boleh membantu mereka mengembangkan lagi prospek produk sedia ada mencernasi perkongsian bijak melalui jaringan industri universiti, industri dan masyarakat.

Usaha murni itu turut disokong Kementerian Pengajian Tinggi yang berusaha sebaik mungkin untuk memperkukuhkan jaringan industri di antara industri dan universiti. Justeru, ia perlu dilancarkan dengan menyeluruh bagi mencapai maksud perkongsian bijak bersama seperti disasarkan.

Mahasiswa tidak boleh lagi berpeluk tubuh, sebaliknya perlu mempertingkat-

kan diri dengan ilmu serta kemahiran insaniah bagi merralisasikan hasrat semua pihak.

Projek berkaitan keusahawanan perlu dipergiatkan dan dimantapkan agar manfaatnya dapat dikongsi bersama termasuk memperkukuhkan lagi aspek tanggungjawab sosial mahasiswa terhadap masyarakat dengan lebih meluas.

Semangat keusahawanan perlu diterangkan agar ia menjadi budaya yang diterima dalam proses mencari pekerjaan selepas menamatkan pengajian supaya tidak akan hanya bergantung kepada sumber pekerjaan kerajaan mahupun swasta semata-mata.

Justeru, mahasiswa disarankan melengkapkan diri dengan komunikasi keusahawanan yang tinggi, sekali

kerana untuk melahirkan usahawan muda yang berintegriti dan berinovasi.

Pensyarah, ahli keluarga dan masyarakat perlu memberi sokongan kepada usahawan muda ini untuk melakukan perubahan minda bagi mempraktikkan ilmu dipelajari di kampus.

**Penulis pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara, Kawang Melaka**

"Warga kampus yang mempunyai pandangan mengenai peribadi isu semasa boleh menghantarnya ke ruangan ini dan e-mel kepada ruhaizarusmin@hmetro.com.my"